

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



## BANK ISLAM, WAQAF AN-NUR PERKASA USAHAWAN iTEKAD

Waqaf An-Nur menyumbang RM120,000 kepada program pembiayaan mikro  
iTEKAD Bank Islam

**JOHOR BAHRU, Selasa, [2 Julai 2024]:** Dua peneraju kewangan sosial, Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) dan Waqaf An-Nur Corporation Berhad (Waqaf An-Nur) hari ini memeterai perjanjian kerjasama untuk memperluaskan sokongan kepada golongan usahawan mikro di Malaysia.

Menerusi usaha sama strategik berkenaan, Waqaf An-Nur menyalurkan sumbangan daripada manfaat wakaf korporat bernilai RM120,000 kepada Sadaqa House Bank Islam yang akan digunakan sebagai dana berputar bagi menawarkan pembiayaan mikro iTEKAD kepada usahawan-usahawan mikro untuk membantu menjana pendapatan mampan dan daya tahan kewangan perusahaan mikro dalam mendepani cabaran semasa.

Penyerahan sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Operasi Waqaf An-Nur, Tuan Haji Bahrin Bakri kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed dalam satu majlis simbolik yang diadakan di Hotel Doubletree by Hilton, Johor Bahru.

Turut hadir di majlis berkenaan ialah Pengurus Besar Divisyen Pembangunan Ummah, Waqaf An-Nur, Tuan Haji Zamri Norani, dan Ketua Pegawai Kewangan Sosial Kumpulan, Bank Islam, Mohd Nazri Chik.

Mohd Muazzam berkata, pihaknya amat berbesar hati atas kepercayaan Waqaf An-Nur kepada model kewangan islam Bank Islam untuk memberi peluang peningkatan mobiliti dan kapasiti usahawan mikro dalam mengembangkan perniagaan dengan pembiayaan iTEKAD.

“Menerusi suntikan dana daripada Waqaf An-Nur, kami berupaya memperluaskan lagi usaha kewangan inklusif kepada golongan usahawan mikro masyarakat rentan yang tidak dan kurang mendapat perkhidmatan perbankan. Model dana berputar

membolehkan lebih ramai usahawan mikro disantuni, berbanding pemberian geran perniagaan. Usahawan yang dikenalpasti boleh menerima Pembiayaan Mikro iTEKAD BangKIT sehingga RM20,000 pada kadar 0% (qardhul hasan).

"Dana ini akan dimanfaatkan bagi modal kerja dan perbelanjaan perniagaan usahawan yang mengambil bahagian dalam program iTEKAD, selain meningkatkan pengetahuan mereka melalui program-program pengurusan kewangan dan perniagaan yang dijalankan," jelas Mohd Muazzam.

Sadaqa House, pemacu kewangan sosial Bank Islam yang diiktiraf di peringkat global, diamanahkan untuk menerajui inisiatif kewangan sosial Bank Islam termasuk program pembiayaan mikro iTEKAD BangKIT dan iTEKAD Maju.

Program tersebut menyediakan pembiayaan dan geran serta dilengkapi dengan bimbingan keusahawanan berterusan bagi memastikan peserta yang layak mendapat bimbingan komprehensif dan mampu menjana pendapatan mampan. iTEKAD BangKIT dan iTEKAD Maju bermatlamat memperkasakan komuniti usahawan asnaf dan B40, mencerminkan dedikasi Bank Islam terhadap pembangunan ekonomi yang bersifat inklusif.

Sehingga kini, lebih 1,200 orang usahawan kecil telah mendapat manfaat dengan pengeluaran lebih RM25 juta sejak mula diperkenalkan pada tahun 2020.

Waqaf An-Nur merupakan cabang tanggungjawab sosial Johor Corporation (JCorp), yang mengurus aset dan saham syarikat Kumpulan JCorp yang diwakafkan. Sejak penubuhannya pada tahun 2000, pelbagai bentuk produk wakaf telah diperkenalkan Waqaf An-Nur demi manfaat golongan yang memerlukan.

Mohd Muazzam berkata, Bank Islam mempunyai matlamat yang sama dengan Waqaf An-Nur iaitu memajukan masyarakat kurang berkemampuan dengan menerusi instrumen kewangan sosial Islam.

"Kami berterima kasih kepada Waqaf An-Nur serta para penyumbang atas kerjasama ini. Semoga usaha sama ini akan terus berkembang demi kesejahteraan masyarakat pada masa akan datang," ujarnya.

Terdahulu, Bank Islam telah menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM120,000 kepada tujuh institusi pengajian tinggi awam di Johor iaitu Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Universiti Teknologi Mara Pasir Gudang dan Segamat, Kolej Yayasan Pelajaran Johor, Politeknik Ibrahim Sultan dan Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim.

Orang ramai yang ingin menyumbang demi kesejahteraan masyarakat terpinggir, rentan dan B40, boleh menyalurkan sumbangan mereka ke Sadaqa House di nombor akaun 140 140 101 88888 atau melayari laman [www.sadaqahouse.com.my](http://www.sadaqahouse.com.my) untuk maklumat lanjut.

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Sila emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) untuk mendapatkan maklumat tambahan.